

### Latihan 1

Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri laras bahasa istana yang betul.

beta

patik

baginda

hamba

1. "\_\_\_\_\_ ingin menghadap Sultan Azlan," kata Laksamana Ali kepada hulubalang itu.
2. "\_\_\_\_\_ berasa bangga kerana rakyat di negara ini bersatu padu untuk menyelesaikan masalah," kata Sultan Muzaffar.
3. "\_\_\_\_\_ akan menurut perintah tuanku supaya mencari peti emas itu," kata Bendahara Malik kepada Sultan Mansur.
4. "Sultan Idris amat disayangi oleh rakyat jelata kerana \_\_\_\_\_ sangat mementingkan kebajikan rakyat," kata Hang Nadim kepada Dayang Melati.

Scanned with CamScanner  
LIVEWORKSHEETS

Pilih kata adjektif yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong.

cantik

mesra

gembira

rosak

awal

Cuti sekolah telah tiba. Fatin berasa (1) \_\_\_\_\_ apabila ibu dan ayah membawanya bercuti ke Bukit Fraser. Dalam perjalanan ke sana, mereka terpaksa menggunakan jalan lain kerana jalan utamanya telah (2) \_\_\_\_\_ akibat tanah runtuh. Tiga jam kemudian, mereka tiba di hotel yang telah ditempah (3) \_\_\_\_\_ oleh ayah Fatin. Mereka disambut oleh seorang penyambut tetamu dengan (4) \_\_\_\_\_. Apabila selesai meletakkan barang-barang di bilik, mereka keluar bersiar-siar di Bukit Fraser. Mereka begitu teruja kerana dapat melihat pemandangan bunga-bunga yang sangat (5) \_\_\_\_\_.

Scanned with CamScanner  
LIVEWORKSHEETS

Isi tempat kosong dengan kata hubung yang sesuai.

• agar                      • lalu                      • dan                      • kerana                      • sambil

1. Salmah menasihati Ida \_\_\_\_\_ Siti agar menjaga kebersihan alam sekitar.
2. Mohan mendengar penerangan daripada anggota bomba itu \_\_\_\_\_ menulis laporan.
3. Soon Keat membubuh baja pada pokok mangga itu \_\_\_\_\_ pokok itu berbuah lebat.
4. Puan Julia masuk ke dalam rumahnya \_\_\_\_\_ menghidupkan lampu di ruang tamu.
5. Encik Anand tidak dapat menyertai mesyuarat jawatankuasa penduduk \_\_\_\_\_ anaknya kurang sihat.

Scanned with CamScanner  
**LIVEWORKSHEETS**

Isi tempat kosong dengan kata seru yang sesuai.

Eh

Aduhai

Aduh

Wah

Nah

Syabas

Amboi

Cis

1. \_\_\_\_\_, ambil buku cerita kamu ini!
2. \_\_\_\_\_, bergaya sungguh kamu memakai baju kebaya itu!
3. \_\_\_\_\_, cantiknya pemandangan matahari terbenam pada waktu senja!
4. \_\_\_\_\_, dahulu rumahnya tidaklah sebesar ini!
5. \_\_\_\_\_, betapa malangnya nasibku ini!
6. \_\_\_\_\_, sakit sungguh gigiku selepas makan gula-gula itu!
7. "\_\_\_\_\_, berani sungguh tuan hamba menderhaka kepada sultan, Jebat!" marah Hang Tuah kepada Hang Jebat.
8. \_\_\_\_\_, anda telah memenangi wang tunai berjumlah RM200.00!

Scanned with CamScanner  
**LIVEWORKSHEETS**

Isi tempat kosong dengan kata bantu yang paling sesuai.

mahu

akan

telah

mesti

belum

sedang

1. Cikgu Wong \_\_\_\_\_ mengajar subjek Matematik di dalam kelas Tahun Enam Cerdik.
2. Pegawai dari Jabatan Perhutanan Malaysia itu \_\_\_\_\_ selesai menyampaikan ceramah di SJKC Sungai Udang.
3. Adik masih \_\_\_\_\_ tidur kerana sedang menyiapkan kerja sekolahnya.
4. Esok Encik Kamarul \_\_\_\_\_ menaiki kapal terbang untuk menghadiri seminar di luar negara.
5. Abang Din \_\_\_\_\_ memulakan pemiagaannya sendiri kerana dia ingin membantu ibu bapanya.
6. "Kamu \_\_\_\_\_ menghantar tugas ini sebelum waktu rehat," arah Cikgu Mohan kepada murid-muridnya.

Scanned with  CamScanner **LIVEWORKSHEETS**